



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Deputy Director General of Education Malaysia
PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN
Teachers Professional Development
ARAS 6, BLOK E 13, PARCEL E
Level 6, Block E13, Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 1078
Faks: 03-8884 1092
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100.-1/3/1 JLD.3 (31)
Tarikh : 30 Julai 2020

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru
Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2020

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA INSTITUT
PENDIDIKAN GURU DAN KOLEJ MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 bermula 18 Mac 2020 dan telah melalui empat fasa yang berakhir pada 12 Mei 2020. Kerajaan juga telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bagi pengoperasian pelbagai sektor penting negara termasuk sektor awam yang berakhir pada 9 Jun 2020 dan seterusnya, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan mulai 10 Jun 2020.

3. Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah membawa perubahan kepada gaya hidup, cara bekerja dan proses Pengajaran dan Pembelajaran. Perubahan tersebut membawa kepada pelaksanaan norma baharu dengan mengambil kira penjarakan sosial, kebersihan dan keselamatan. KPM telah membuat beberapa sesi libat urus bersama-sama agensi berkepentingan serta pemegang taruh berkenaan pengurusan Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi dalam menghadapi COVID-19. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengambil inisiatif menyediakan satu garis panduan sebagai rujukan. Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 65 Tahun 2020 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru Dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Garis panduan tersebut yang dilampirkan bersama-sama surat siaran ini merupakan dokumen induk yang perlu dirujuk bagi pengoperasian Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi. Sebarang perubahan maklumat akan dijadikan tambahan dalam dokumen ini.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan pembukaan semula IPG dan Kolej Matrikulasi dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi KPM. Garis Panduan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang KPM di www.moe.gov.my.


6. Surat siaran ini **berkuat kuasa** serta merta mulai pada tarikh surat siaran ini dikeluarkan.

7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, pentadbir serta pensyarah di Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DR. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB. Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia

3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA
INSTITUT PENDIDIKAN GURU DAN KOLEJ MATRIKULASI**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Objektif	2
4.	Tafsiran	3
5.	Peranan dan Tanggungjawab	3
5.1.	Pengarah	3
5.2.	Pensyarah	6
5.3.	Pengurus Hal Ehwal Pelajar	6
5.4.	Kaunselor/Guru Bimbingan Kaunseling	7
5.5.	Pelajar	7
6.	Pengurusan Prasarana	8
7.	Pengurusan Akademik	12
7.1.	Pelaksanaan PdP	12
7.2.	Praktikum/ <i>Internship</i>	13
8.	Pengurusan Pentaksiran	13
9.	Pengurusan Aktiviti Pelajar	13
10.	Penutup	14
	LAMPIRAN 1	15

1. Tujuan

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada pegawai bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pentadbir serta pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi tentang pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengawal penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).
- 1.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa dan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 1.3 Institusi pendidikan yang melaksanakan Program Pendidikan Guru dan Program Matrikulasi KPM di bawah agensi atau kementerian lain juga disarankan merujuk garis panduan ini.
- 1.4 Garis panduan ini merupakan dokumen induk yang perlu dirujuk bagi pengoperasian IPG dan Kolej Matrikulasi. Sebarang perubahan maklumat akan dijadikan tambahan (annex) dalam dokumen ini.

2. Latar Belakang

- 2.1 Berikutan peningkatan kes jangkitan COVID-19 di Malaysia, kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19 bermula 18 Mac 2020 dan telah melalui empat fasa yang berakhir pada 12 Mei 2020. Kerajaan juga telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bagi pengoperasian pelbagai

sektor penting negara termasuk sektor awam yang berakhir pada 9 Jun 2020 dan seterusnya, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan mulai 10 Jun 2020.

- 2.2 KPM telah membuat beberapa sesi libat urus bersama-sama agensi berkepentingan serta pemegang taruh berkenaan pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi dalam menghadapi COVID-19. Garis panduan ini juga telah mendapat pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri.
- 2.3 Penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan PKP telah membawa perubahan kepada gaya hidup, cara bekerja dan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Perubahan tersebut membawa kepada pelaksanaan norma baharu dengan mengambil kira penjarakan sosial, kebersihan dan keselamatan.

3. Objektif

Garis panduan ini disediakan untuk memastikan:

- 3.1 pengurusan IPG dan Kolej Matrikulasi dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar;
- 3.2 keselamatan dan kesihatan pelajar, pensyarah dan warga IPG serta Kolej Matrikulasi diutamakan semasa mereka berada di kampus/kolej; dan
- 3.3 proses PdP dapat dijalankan dalam keadaan selamat.

4. Tafsiran

- 4.1 **Bergejala** bermaksud simptom awal COVID-19, iaitu sama ada mengalami demam (suhu badan 37.5°C dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas.
- 4.2 **Aktiviti pelajar** bermaksud aktiviti yang melibatkan kuliah akademik, tutorial, riadah, rekreasi dan aktiviti sosial di dalam atau di luar kampus yang berkaitan dengan pelajar.
- 4.3 **Bilik PdP** bermaksud bilik kuliah, bengkel, makmal, bilik tutoran dan bilik khas yang digunakan bagi tujuan PdP.
- 4.4 **Pengurus Hal Ehwal Pelajar** merujuk personel yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pelajar IPG/Kolej Matrikulasi seperti Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar/Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar/Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar/Penolong Pengurus Asrama/Penyelia Asrama/Warden/Fellow.

5. Peranan dan Tanggungjawab

Semua warga IPG/Kolej Matrikulasi bertanggungjawab mematuhi Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dengan melaksanakan peranan masing-masing seperti yang berikut:

5.1 Pengarah

- 5.1.1 memastikan kawasan dan premis IPG/Kolej Matrikulasi termasuk semua bilik PdP bersih dan selamat untuk beroperasi;

- 5.1.2 merancang pelan laluan pergerakan dan pelan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu individu ke individu dalam semua keadaan;
- 5.1.3 memastikan keselamatan, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan warga IPG/Kolej Matrikulasi;
- 5.1.4 memberikan penerangan kepada warga IPG/Kolej Matrikulasi tentang penularan jangkitan COVID-19 dan kepentingan penjagaan kesihatan serta kebersihan;
- 5.1.5 membuat hebahan berkala untuk mengingatkan warga IPG/Kolej Matrikulasi supaya:
 - a. mengamalkan prinsip 3W iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun/pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) (*wash*), memakai pelitup muka (*wear*) dan amaran dari KKM berkonsep peringatan (*warn*) termasuk penjarakan sosial serta tidak bersalaman;
 - b. mengelakkan 3C iaitu menjauhi kawasan sesak (*crowded place*), elak kawasan sempit (*confined space*) dan elakkan dari bercakap dengan jarak yang dekat (*close conversation*);
- 5.1.6 memastikan warga IPG/Kolej Matrikulasi dan pekerja perkhidmatan mematuhi garis panduan yang ditetapkan;
- 5.1.7 memastikan perhimpunan/aktiviti sosial/riadah/aktiviti kerohanian secara berkumpulan diadakan mengikut ketetapan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 5.1.8 memastikan tindakan berikut diambil sekiranya terdapat kes positif COVID-19 dalam kalangan warga IPG/Kolej Matrikulasi dan pekerja perkhidmatan yang disahkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD):

- a. mengenal pasti dan menyediakan senarai kontak rapat bagi membantu PKD;
 - b. memberikan kerjasama kepada anggota PKD; dan
 - c. mendapatkan nasihat daripada PKD mengenai keperluan melaksanakan pembasmian kuman di lokasi yang dikenal pasti;
- 5.1.9 memastikan warga IPG/Kolej Matrikulasi mengisi Borang Isytihar Tahap Kesihatan Berkaitan Jangkitan COVID-19 seperti dalam **LAMPIRAN 1**;
- 5.1.10 menggalakkan warga IPG/Kolej Matrikulasi memuat turun, mengaktif dan menggunakan aplikasi MySejahtera;
- 5.1.11 menangani isu pengoperasian IPG/Kolej Matrikulasi berdasarkan garis panduan yang ditetapkan;
- 5.1.12 menentukan kaedah pelaksanaan PdP berdasarkan pengoperasian IPG/Kolej Matrikulasi;
- 5.1.13 merancang jadual PdP dengan mengambil kira bilangan bilik PdP dan kesediaan pensyarah serta keberadaan pelajar;
- 5.1.14 memastikan pensyarah menyediakan bahan PdP yang sesuai untuk pelaksanaan PdP secara bersemuka dan dalam talian; dan
- 5.1.15 memantau pelaksanaan PdP secara bersemuka dan dalam talian.

5.2 Pensyarah

- 5.2.1 memaklumkan kepada pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi sekiranya diri sendiri atau pelajar bergejala;
- 5.2.2 digalakkan memuat turun, mengaktif dan menggunakan aplikasi MySejahtera;
- 5.2.3 memastikan hanya pelajar yang tidak bergejala sahaja boleh mengikuti sesi PdP;
- 5.2.4 memastikan pelajar patuh pada garis panduan ini sepanjang berada di IPG/Kolej Matrikulasi; dan
- 5.2.5 mengingatkan pelajar untuk sentiasa menjaga kebersihan dan mengamalkan penjarakan sosial sebelum, semasa atau selepas memulakan aktiviti PdP serta menggalakkan pelajar memakai pelitup muka (*face mask*).

5.3 Pengurus Hal Ehwal Pelajar

- 5.3.1 menyediakan pelan laluan pergerakan terarah termasuk laluan masuk dan keluar sehala;
- 5.3.2 mengambil tindakan berikut bagi pelajar yang bergejala:
 - a. memaklumkan kepada pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi;
 - b. membekalkan pelitup muka (*face mask*) dan mengasingkannya di bilik isolasi. Pelajar lain tidak dibenarkan menemani pelajar bergejala semasa pengasingan;

- c. memantau keselamatan pelajar bergejala semasa pengasingan sehingga dibawa untuk mendapatkan rawatan;
- d. merujuk kepada PKD untuk mendapatkan nasihat dan tindakan susulan; dan
- e. memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga.

5.4 Kaunselor/Guru Bimbingan Kaunseling

- 5.4.1 melaksanakan Ujian Minda Sihat secara berkala bagi mengenal pasti pelajar yang terkesan dengan norma baharu di IPG/Kolej Matrikulasi; dan
- 5.4.2 merujuk Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil 1-2020 dalam mengurus kaunseling warga IPG/Kolej Matrikulasi.

5.5 Pelajar

- 5.5.1 mengisi dan mengemukakan Borang Isytihar Tahap Kesihatan Berkaitan Jangkitan COVID-19 (seperti di lampiran) semasa pendaftaran;
- 5.5.2 digalakkan memuat turun, mengaktif dan menggunakan aplikasi MySejahtera sebelum mendaftar diri di IPG/Kolej Matrikulasi;
- 5.5.3 mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter antara individu ke individu yang lain sepanjang masa;

- 5.5.4 mengamalkan prinsip 3W iaitu mencuci tangan dengan air dan sabun/ pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) (*wash*), memakai pelitup muka (*wear*) dan amaran dari KKM berkonsep peringatan (*warn*) termasuk penjarakan sosial serta tidak bersalaman;
- 5.5.5 mengelakkan 3C iaitu menjauhi kawasan sesak (*crowded place*), elak kawasan sempit (*confined space*) dan elakkan dari bercakap/ dengan jarak yang dekat (*close conversation*);
- 5.5.6 memaklumkan kepada pihak pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi sekiranya bergejala;
- 5.5.7 segera beredar setelah tamat setiap sesi PdP/peperiksaan;
- 5.5.8 mengelakkan diri daripada melawat rakan yang demam dan bergejala; dan
- 5.5.9 mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

6. Pengurusan Prasarana

Pihak pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi bertanggungjawab melaksanakan langkah keselamatan dan kebersihan dengan mengambil kira penjarakan sosial dalam pengurusan prasarana.

- 6.1 Langkah-langkah keselamatan umum yang perlu dilaksanakan adalah seperti yang berikut:
 - 6.1.1 tempat untuk mengimbas dan merekod suhu badan disediakan;

- 6.1.2 pelan laluan pergerakan terarah disediakan di IPG/Kolej Matrikulasi;
 - 6.1.3 tanda penjarakan disediakan di bilik PdP, kafeteria, perpustakaan, asrama, surau dan tempat-tempat lain yang dikenal pasti bersesuaian;
 - 6.1.4 sabun dan air/ pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) disediakan di tempat yang sesuai; dan
 - 6.1.5 warga IPG/Kolej Matrikulasi yang bergejala dan mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C tidak dibenarkan memasuki mana-mana premis serta dirujuk ke fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan lanjut.
- 6.2 Langkah-langkah keselamatan khusus perlu dilaksanakan bagi prasarana berikut:
- 6.2.1 Bilik PdP
 - a. bilangan maksimum pelajar di dalam setiap bilik PdP bergantung pada kapasiti bilik dengan mengambil kira penjarakan sosial;
 - b. pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi bagi setiap bilik PdP; dan
 - c. pensyarah dan pelajar digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*) semasa berada di bilik PdP.
 - 6.2.2 Kolej Kediaman
 - a. katil pelajar dijarakkan sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu dengan yang lain;
 - b. pelajar tidak dibenarkan berkongsi katil/bertukar-tukar tempat tidur semasa di asrama;
 - c. bilik khas dijadikan sebagai bilik isolasi bagi pelajar yang bergejala. Bilik ini perlu dibekalkan dengan

pelitup muka (*face mask*), serta sabun dan air/pensanitasi tangan (*hand sanitizer*). Pelajar yang berada di bilik isolasi perlu segera dibawa untuk rawatan;

- d. alat pengimbas suhu perlu disediakan di kolej kediaman. Saringan suhu badan dan gejala hendaklah dilakukan setiap hari sebelum memasuki asrama;
- e. hanya pelawat yang tidak bergejala sahaja dibenarkan berjumpa pelajar dengan kebenaran pihak pengurusan kolej. Pelajar dan pelawat hendaklah mengamalkan penjarakan sosial dan digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*); dan
- f. pelajar Kolej Matrikulasi tidak dibenarkan keluar (*outing*) dan pulang bermalam sehingga pemakluman lanjut.

6.2.3 Masjid/Surau

- a. aktiviti kerohanian di masjid/surau tertakluk pada arahan pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama negeri yang sedang berkuat kuasa;
- b. pelajar berwuduk di tempat yang ditetapkan serta menggunakan sejadah dan telekung sendiri; dan
- c. penggunaan masjid/surau bagi aktiviti solat Jumaat hanya dibuka kepada warga IPG/Kolej Matrikulasi dan murid sekolah yang berhampiran dengan kebenaran Pengarah IPG/Kolej Matrikulasi.

6.2.4 Kafeteria/Pusat Sehenti/Pusat Pelajar

- a. bilangan pelanggan yang masuk dalam satu-satu masa adalah mengikut kapasiti premis dengan mengambil kira penjarakan sosial;
- b. makanan boleh disajikan secara bufet atau berbungkus;
- c. pekerja kafeteria sahaja dibenarkan untuk mencedok makanan;
- d. pekerja kafeteria mesti sentiasa memakai pelitup muka dan sarung tangan serta kerap mencuci tangan dengan air dan sabun; dan
- e. pekerja kafeteria yang bergejala tidak dibenarkan bertugas.

6.2.5 Kompleks Sukan/ Dewan Serbaguna/Gelanggang

- a. aktiviti sukan dan riadah tertakluk pada *Standard Operating Procedure* (SOP) Sektor Sukan dan Rekreasi Kementerian Belia dan Sukan yang sedang berkuat kuasa;
- b. suhu badan warga IPG/Kolej Matrikulasi yang menggunakan premis hendaklah diimbas dan direkodkan; dan
- c. bilangan warga IPG/Kolej Matrikulasi yang menggunakan premis dalam satu-satu masa adalah mengikut kapasiti dengan mengambil kira penjarakan sosial.

6.2.6 Pusat Sumber/Perpustakaan

- a. tempat beratur untuk pinjaman dan pemulangan buku serta kedudukan tempat duduk pelajar diletakkan penandaan bagi penjarakan sosial

sekurang-kurangnya satu (1) meter antara individu ke individu;

- b. memastikan meja dan kerusi dalam keadaan bersih dan selamat untuk digunakan; dan
- c. memastikan peralatan dalam keadaan selamat untuk digunakan.

7. Pengurusan Akademik

7.1 Pelaksanaan PdP

7.1.1 Aktiviti PdP dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- a. bersemuka; atau
- b. dalam talian; atau
- c. hibrid/teradun (*blended*).

7.1.2 Pelaksanaan penyelidikan/amali perlu diubah suai dengan mengambil kira pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh KPM.

7.1.3 Sentuhan fizikal yang minimum dibenarkan kepada pelajar orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan bantuan. Sekiranya penjarakan sosial tidak dapat dilaksanakan atau sentuhan tidak dapat dielakkan, pemakaian pelitup muka (*face mask*) dan mencuci tangan dengan sabun dan air/ pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) perlu diamalkan.

7.2 Praktikum/*Internship*

- 7.2.1 Praktikum/*internship* dilaksanakan dengan mengambil kira keselamatan dan kesihatan serta peraturan dan arahan KPM, KKM dan MKN.
- 7.2.2 Pelajar yang terlibat perlu mengisi Borang Isytihar Tahap Kesihatan Berkaitan Jangkitan COVID-19 (seperti lampiran) tiga (3) hari sebelum melapor diri di sekolah.
- 7.2.3 Sekiranya terdapat pelajar yang bergejala, pengurusan IPG perlu mendapatkan nasihat PKD untuk tindakan selanjutnya. Pelajar bergejala tidak dibenarkan untuk menghadiri sesi praktikum/*internship*.

8. Pengurusan Pentaksiran

- 8.1 Kaedah pelaksanaan dan pengendalian pentaksiran perlu mengambil kira penjarakan sosial, keselamatan dan kebersihan dengan merujuk pada peraturan dan arahan KPM, KKM dan MKN.
- 8.2 Penilaian berterusan dilaksanakan berdasarkan hasil kerja pelajar seperti kerja kursus dan lain-lain yang boleh dikemukakan secara dalam talian atau serahan tangan.

9. Pengurusan Aktiviti Pelajar

- 9.1 Pelaksanaan aktiviti pelajar untuk tujuan sukan, riadah, rekreasi dan sosial di dalam atau di luar IPG/Kolej Matrikulasi perlu mengambil kira penjarakan sosial, keselamatan dan kebersihan.

- 9.2 Sentuhan fizikal yang minimum dibenarkan kepada pelajar orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan bantuan, pemakaian pelitup muka (*face mask*) dan mencuci tangan dengan sabun dan air/ pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) perlu diamalkan.

10. Penutup

Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia ini diharap dapat memastikan pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi boleh beroperasi dengan lancar. Semua IPG/Kolej Matrikulasi hendaklah patuh kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini. Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Bahagian Matrikulasi KPM akan memantau pelaksanaan pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi masing-masing bagi memastikan pematuhan kepada garis panduan ini.

- TAMAT -

**BORANG ISYTIHAR TAHAP KESIHATAN
BERKAITAN JANGKITAN COVID-19**

ARAHAN

SEMUA warga IPG/Kolej Matrikulasi sama ada pelajar, pensyarah, kakitangan kolej mahupun pekerja perkhidmatan **WAJIB** mengisi borang ini **SEBELUM 1 Ogos 2020**. Sila gunakan telefon bimbit anda untuk mendapatkan borang melalui cara berikut:

Contoh :

a) Imbas (scan) Kod QR di bawah



ATAU

b) Klik pautan di bawah

<http://tiny.cc/o7f8lz>

Borang Isytihar Tahap Kesihatan Berkaitan Wabak COVID-19

1. Sila isi borang ini dengan JUJUR.
 2. Kejujuran anda akan menyelamatkan nyawa ramai pihak.
 3. Borang ini WAJIB diisi oleh SEMUA warga Kolej Matrikulasi Melaka.

* Required

1. Kategori *

Pelajar

Pensyarah / Pegawai

Kakitangan kolej

Pekerja Perkhidmatan

2. Nama Penuh *

3. Nombor Kad Pengenalan (Tanpa "-").
 Contoh : 810202055206) *

4. Nombor Telefon Bimbit *

5. Adakah anda merupakan pesakit COVID-19? *

Ya

Tidak

6. Adakah anda merupakan Person Under Investigation (PUI) dalam kes COVID-19? *

Ya

Tidak

7. Adakah terdapat ahli keluarga anda yang merupakan pesakit COVID-19? *

Ya

Tidak

8. Adakah terdapat ahli keluarga anda yang merupakan PUI kes COVID-19? *

Ya

Tidak

9. Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan individu PUI kes COVID-19. (Kontak rapat bermaksud pernah berhubung rapat dalam lingkungan 1 meter dengan PUI) *

Ya

Tidak

10. Adakah terdapat kes positif COVID-19 di kawasan kejiranan anda? *

Ya

Tidak

11. Dalam tempoh 30 hari kebelakangan ini, adakah anda pernah pergi ke luar negara? *

Ya

Tidak

← < > ↻ 📄

12. Dalam tempoh 30 hari kebelakangan ini, adakah ahli keluarga anda pernah pergi ke luar negara? *

Ya

Tidak

13. Dalam tempoh seminggu kebelakangan ini, pernahkah anda mengalami gejala seperti demam atau batuk atau selsema atau sesak nafas? *

Ya

Tidak

Submit

Never give out your password. Report abuse

This content is created by the owner of the form. The data you submit will be sent to the form owner.

Powered by Microsoft Forms | [Privacy and cookies](#) | [Terms of use](#)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA
INSTITUT PENDIDIKAN GURU DAN KOLEJ MATRIKULASI

- 1. Bilakah Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi akan dibuka?**
IPG dan Kolej Matrikulasi akan dibuka secara berperingkat bermula pada 2 Ogos 2020.
- 2. Adakah pelajar bergejala dibenarkan untuk membuat penangguhan pendaftaran?**
Ya. Pelajar perlu menghubungi pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi bagi mendapatkan tarikh pendaftaran yang baharu.
- 3. Adakah pelajar Kolej Matrikulasi dibenarkan keluar dari kawasan kolej selepas mendaftar?**
Tidak, kecuali bagi kes kecemasan dengan kebenaran pengurusan kolej.

- 4. Berapakah bilangan waris dibenarkan untuk menemani pelajar termasuk pelajar orang kurang upaya (OKU) semasa hari pendaftaran?**

Hanya seorang waris sahaja dibenarkan menemani pelajar.

- 5. Adakah praktikum/*internship* yang tertanggung bagi pelajar IPG akan dijadualkan semula?**

Ya.

- 6. Adakah pelajar dibenarkan mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh agensi luar?**

Ya, dengan kebenaran pengurusan IPG/Kolej Matrikulasi.

-TAMAT-